

**PERKEMBANGAN SAUDARA BARU DI MALAYSIA DAN PERANAN
PERKIM : MASALAH DAN PENYELESAIANNYA**

Oleh:

CHE LATIFAH BT.HJ.ISMAIL

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sastera**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
MEI, 1996**

Kandungan

trak	vi
tract	vii
ghargaan	viii
3 PERTAMA : PENDAHULUAN.....	1
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Bidang Kajian Dan Tujuan Kajian	7
1.3 Metod Kajian	9
1.4 Isi Kandungan	12
3 2: LATARBELAKANG MASYARAKAT MALAYSIA.....	16
2.1 Latarbelakang Masyarakat Malaysia	16
2.1.1 Golongan Bumiputera	17
2.1.2 Golongan Bukan Bumiputera	18
2.2 Latarbelakang Agama-Agama Di Malaysia	24
2.2.1 Latarbelakang Agama Islam Di Malaysia.....	34
2.2.1(a) Kedatangan Islam Ke Nusantara.....	36
2.2.2 Latarbelakang Agama Buddha Dan Lain-Lain Kepercayaan Masyarakat Cina Di Malaysia.....	49
2.2.2(a) Agama Buddha	51
2.2.2(b) Aliran-Aliran Dan Perkembangan Dalam Agama Buddha.....	53
2.2.2(c) Kepercayaan Confucianisme, Taoism Dan Neneh Moyang	55
2.2.3 Latarbelakang Agama Hindu Di Malaysia.....	62
2.2.3(a) Ajaran Agama Hindu	63
2.2.3(b) Perayaan-Perayaan Hindu	67
2.2.3(c) Masyarakat Sikh.....	68
2.2.3(d) Ajaran- Ajarannya	69
2.2.4 Latarbelakang Agama Kristian Di Malaysia	73
2.2.4(a) Pokok-Pokok Ajaran Agama Kristian.....	73
2.2.4(b) Kitab Suci.....	75
2.2.4(c) Aliran-Aliran Dalam Agama Kristian.....	76

2.2.4(d) Perkembangan Agama Kristian Di Malaysia	77
2.2.5 Animisme Dan Lain-Lain Kepercayaan.....	86
2.2.5(a) Bahai	86
2.2.5(b) Animisme	87
2.3 Perkembangan Gerakan Dakwah Islamiah Di Malaysia	91
2.3.1 Definasi Dakwah	92
2.3.2 Tujuan Dakwah.....	94
2.3.3 Kewajipan Berdakwah.....	96
2.3.4 Pertubuhan-Pertubuhan Dakwah Di Malaysia	100
2.3.5 Kegiatan-kegiatan Dakwah di Malaysia.....	103
2.3.6 Dakwah Dan Kesannya Di Malaysia.....	109
2.4 Perkembangan Saudara Baru Di Malaysia	115
2.4.1 Pengertian Muallaf	115
2.4.2 Kedudukan Saudara Baru Dan Haknya Dalam Islam	118
2.4.3 Kedudukan Saudara Baru Di Malaysia.....	123
2.4.4 Perkembangan Saudara Baru Di Malaysia.....	128
KETIGA : PENGENALAN KEPADA PERKIM.....	133
3.1 Pendahuluan	133
3.2 Penubuhan PERKIM.....	133
3.3 Tujuan Penubuhan PERKIM.....	136
3.4 Perjalanan Dan Perkembangan PERKIM.....	138
3.5 Struktur Pentadbiran PERKIM	141
3.6 Perlembagaan PERKIM.....	143
3.7 Aktiviti-Aktiviti PERKIM.....	150
3.7.1 Aktiviti-Aktiviti Secara Umum	150
3.7.2 Aktiviti-Aktiviti Di Peringkat Bahagian.....	165
3.8 Aktiviti-Aktiviti Dakwah PERKIM	172
3.8.1 Institut Dakwah Islamiah PERKIM.....	176
3.8.2 Pelbagai Aktiviti Dakwah PERKIM	179
3.9 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh PERKIM.....	188
3.9.1 Kekurangan Tenaga Pekerja Terlatih.....	188
3.9.2 Sikap Jabatan-Jabatan Agama Dan Badan-Badan Dakwah Lain Terhadap PERKIM.....	190

KEENAM : RUMUSAN DAN KESIMPULAN.....	296
6.1 Rumusan.....	296
6.2 Cadangan.....	303
6.3 Penutup.....	311
RAI BAHAN RUJUKAN	312

Abstrak

Islam sebagai satu agama yang bersifat universal, dianuti di seluruh termasuk Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang majmuk, dari pelbagai bangsa termasuk bangsa Melayu, India dan Cina, yang anuti pelbagai agama dan kepercayaan. Tetapi agama Islam yang ti oleh orang Melayu telah diakui sebagai Agama Persekutuan. imanapun, dengan pergaulan sesama mereka, kaum-kaum lain tertarik mendalami budaya Melayu dan seterusnya memeluk Islam.

Apabila memeluk Islam, mereka dikenali sebagai "Saudara Baru". igai perubahan berlaku dalam usaha penyesuaian diri setelah memeluk . Keadaan ini tentunya menimbulkan pelbagai masalah yang perlu api dan memerlukan perhatian dan sokongan dari saudara seagamanya.

Kajian ini cuba mengenalpasti apakah masalah-masalah yang kerap api oleh Saudara Baru di Malaysia dan apakah langkah-langkah elesaian yang dilakukan untuk menghadapi masalah-masalah tersebut.

Terdapat banyak pertubuhan dakwah di Malaysia, samaada yang anggarakan oleh pihak kerajaan atau swasta. Tetapi, PERKIM pakan pertubuhan yang lebih dikenali dalam usaha-usaha pengislaman. itu, kajian ini akan difokuskan kepada peranan PERKIM (Pertubuhan jikan Islam Malaysia).

Pengenalan terhadap masalah-masalah yang dihadapi serta elesaiannya diperolehi melalui soalselidik yang disediakan dan juga bual dengan Saudara-saudara Baru. Responden-responden ini diperolehi Saudara-saudara Baru yang menghadiri kelas-kelas agama atau kursus- is anjuran PERKIM.

Apa yang jelasnya, melalui kajian ini ialah kaum-kaum di Malaysia 1 belum dapat membezakan antara agama dan budaya, khasnya agama dan budaya Melayu. Masyarakat membuat tanggapan bahawa apa yang ikan oleh orang Melayu sebagai ajaran Islam.

Melalui kajian ini amatlah diharapkan agar masyarakat Malaysia dapat jhapuskan anggapan yang salah ini. Masyarakat Islam khasnya diharap t melihat masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru ini sebagai masalah ka bersama dan berusaha mencari jalan penyelesaiannya.

Development of Muslim Converts in Malaysia and The Role of PERKIM : Problems and Solutions

Abstract

Islam is a Universal religion by most of the people in the world including Malaysia. Eventhough Malaysia is a multiracial country consisting of Malay, and Chinese, yet Islam is considered as a National Religion compared to other religions. In fact it cannot be denied that through its uniqueness, it has led other races besides Malay to become Muslim.

When this occurs, these new Muslims are known as "Saudara Baru" obviously have to undergo various changes in order to adapt themselves to new environment. In this process of changing there are problems which need attentions and cooperations from other Muslims.

So this research/ study is about how to identify these problems faced by new Muslims and what solutions can be taken to overcome these problems.

There are many organisations formed by the Government or private sectors in helping to deal with these problems. But this study only focuses on roles or parts played by an organisation known as "PERKIM" (Pertubuhan Rakyat Islam Malaysia).

Questionnaires and interviews have been conducted to these new Muslims who attended various classes and seminars held by PERKIM in order to gain their views and opinions concerning the problems they faced.

From their answers, it is obvious that most of the people in Malaysia still confused in distinguishing between religion, culture and customs, especially between Islamic religion and Malay culture. Most of them looked at Malay culture and customs as Islamic Religion. This wrong perception is hoped to erase and so through this study, it is hoped that Malaysia society will look upon these new Muslims problem more seriously.

Kajian

HamdulilLah, bersyukur kepada llahi yang telah memberikan kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa petunjuk dan dorongan serta bantuan dari pelbagai pihak, penulisan ini tidak akan.

penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi dan terimakasih kepada Yang Berbahagia Prof.Madya Dr. Wan in Mohd.Nor, selaku penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar menjayakan penulisan ini.

Ucapan terimakasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat, iaitu memberikan maklumat kepada penulis untuk kajian ini. Ini adalah kakitangan PERKIM di peringkat Pusat dan juga di peringkat rata-ratanya Pengarah Dakwah PERKIM, Dato Haji Muhammad Amat, semua Pengurus serta Setiausaha PERKIM negeri-negeri - Perlis, Kuala Pinang, Kelantan dan Trengganu serta Tuan Pengetua Institut Islamiah PERKIM. Ucapan terimakasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada semua Saudara Baru yang telah memberikan kerjasama dan esponden utama dalam pengkajian ini. Tanpa mereka penulisan ini tidak berhasil.

Jak ketinggalan juga kepada kakitangan Pusat Islam, Jabatan Islam dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri, kakitangan JAWI, dan juga Jabatan Zakat Negeri-negeri.

Prestimewa sekali penghargaan dan terimakasih yang tidak ternilai umami, Mohd. Azmy, yang banyak memberikan dorongan dan bantuan dalam fikiran, serta anak-anak yang memahami, Nurulfathi, Ahmad Mohd.Izzat, Farah Huda dan Abd. Harith, kerana penulis telah 'mencuri' mereka. Juga kepada ibu dan arwah ayahanda yang tidak sempat kejayaan ini serta adik-adik yang sentiasa memberikan dorongan. Kalian semua tetap berada dalam Rahmat dan Hidayah Allah.

Terimakasihnya, kepada semua yang membantu bagi menjayakan tesis ini, imbalan anda tetap dihargai. Semoga hidup kita sekelian diberkati dan hasil penulisan ini akan memberikan sedikit sumbangan kepada bangsa agama Islam. InsyaAllah.

assalam.

ah Hj. Ismail,
Tiga, Kampung Guru,
angar,

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

Latarbelakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara merdeka yang mempunyai penduduk lang bangsa, keturunan dan mempunyai pelbagai adat kepercayaan. Jumlah perangkaan 1991, jumlah penduduk Malaysia ialah 18,193,000 orang^[1].

Penduduk Malaysia dibahagikan kepada dua golongan iaitu Bumiputera Bukan Bumiputera. Ditinjau dari segi sejarah, perlombagaan dan politik, penduduk asal negara ini dikenali sebagai bumiputera^[2]. Ini asuklah keturunan orang Melayu, Orang Asli dan termasuk juga pelbagai kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Penduduk bukan putera pula merupakan golongan imigran yang datang ke negara ini amanya sewaktu penjajahan Inggeris. Golongan yang paling ramai ialah orang Cina dan India yang sebahagian besarnya adalah keturunan latang-pendatang yang tiba selepas pertengahan kurun ke 19 untuk meningkat ekonomi penjajah^[3].

Menurut bancian 1980, peratusan penduduk Malaysia ialah; Orang Melayu dan lain-lain keturunan bumiputera 59 %, orang Cina 32.1 %, orang India 8.2 % dan lain-lain bangsa berjumlah 0.7 %^[4].

Pada amnya setiap kaum di Malaysia digolongkan kepada agama yang utinya. Orang Melayu beragama Islam, orang Cina beragama Buddha dan orang India beragama Hindu. Bagaimanapun terdapat juga segelintir orang Melayu dan India yang menganuti agama Islam dan agama Kristian. Sementara

suku kaum di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli, kebanyakannya ama Kristian atau kepercayaan animisme.

Menurut bancian 1980, peratusan penduduk berdasarkan agama ialah; 53 %, Buddha 17.3 %, Lain-lain kepercayaan Cina 11.6 %, Kristian 8.6 %du 7 %, Agama Suku Kaum 2 %, dan tiada agama 0.5 %.^[5]

Jelasnya, masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk yang hidup ma dengan mesra dan cuba mewujudkan perpaduan dan keharmonian angan mereka. Pemerintah juga sering melaung-laungkan usaha-usaha ah perpaduan. Namun yang nyatanya, hingga kini isu-isu agama dan layaan terus menjadi isu sensitif dan sering dibangkitkan terutamanya kempen-kempen politik.

Islam adalah agama dakwah. Ia menyeru manusia menyembah Allah mengajak manusia melakukan segala kebaikan dan melarang manusia melakukan kejahatan. Keamanan dan kesejahteraan akan dicapai apabila sia mematuhi segala ajarannya. Dakwah merupakan tugas para rasul kini menjadi kewajipan setiap umat Islam menunaikannya.

Kegiatan dakwah sudahpun berjalan di Malaysia sejak Islam mula enalkan di rantau ini. Perkembangan Islam di sini selaras dengan mbangan orang Melayu itu sendiri. Perhubungan di antara Islam dan Melayu sebagai komuniti utama amat erat sekali, sehingga sudah di pengertian umum di Malaysia, bila disebut orang Melayu bererti orang dan difahamkan orang yang memeluk Islam itu sebagai "Masuk u"^[6].

Sewaktu penjajahan barat, badan-badan dakwah Kristian bergerak as mengembangkan agama mereka kepada penduduk-penduduk jatan, termasuklah suku-suku kaum dan orang asli. Hasilnya mereka nyakannya telah berjaya dikristiankan; sebagaimana yang telah diketahui oleh data bancian yang tersebut di atas. Sebaliknya, bagi pihak lain, nampaknya tiada usaha dakwah dilakukan secara tersusun kepada non-kaum yang terdapat di Malaysia.

Memang terdapat orang bukan Melayu yang memeluk Islam, tetapi ia lebih bergantung kepada faktor yang berbentuk peribadi. Orang Melayu pati tidak menjalankan dakwah kepada kaum-kaum lain yang tinggal di sebelah mereka. Kita dapat melihat banyak kampung-kampung Melayu yang seluruhannya didiami oleh orang Melayu dan terdapat satu atau beberapa rumah yang didiami oleh bangsa asing. Tetapi walaupun telah beberapa ad keluarga bukan Melayu itu menetap di kampong tersebut, mereka masih dengar orang Melayu, hidup aman damai, tetapi orang Melayu pati jarang mengambil kesempatan menjalankan dakwah Islamiah. Mungkin ini berpunca dari anggapan bahawa Islam itu untuk orang Melayu, mereka salahfaham tentang dakwah itu sendiri.

Terdapat banyak pertubuhan dakwah di Malaysia termasuklah beberapa institusi kerajaan seperti Pusat Islam dan Jabatan-jabatan Agama di sini, di samping pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti ABIM, Jama'ah Ikhlas dan PERKIM. Kecuali PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia) dan BINA (Angkatan Nahdatul Islam Bersatu) di Sarawak serta AIA (United Sabah Islamic Association), maka kesemua pertubuhan yang boleh dikatakan organisasi bertujuan mendakwahkan orang Melayu yang

dah beragama Islam. Dalam istilah sekarang, dakwahnya ialah ke dalam, kan dakwah keluar seperti yang dilakukan oleh PERKIM^[7].

Hampir kesemua pertubuhan dakwah yang bergerak aktif pada masa ini adalah pertubuhan yang tumbuh dalam tahun tujuh puluhan. Tetapi PERKIM telah ditubuhkan pada 19 Ogos, 1960^[8]. Tujuan utama nubuhannya adalah untuk menjalankan tugas-tugas Dakwah Islamiah pada pelbagai kaum di Malaysia dan menjaga kebajikan saudara-saudara ru. Jelasnya tugas-tugas dakwahnya lebih berbentuk dakwah keluar dan ia ah berjaya menarik perhatian golongan non-muslim di negara ini. Ia telah rjaya mengislamkan ramai penganut baru atau apa yang disebutkan bagai 'saudara baru' atau 'saudara kita', atau dalam istilah Islam sebagai uallaf.

Keadaan ini menarik minat penulis untuk membuat pengkajian tentang aha, sumbangsan dan peranan PERKIM dalam membantu perkembangan asyarakat Muslim di Malaysia, khasnya dalam usaha menarik golongan non-muslim. Tetapi pengkajian ini bukanlah bererti menafikan tugas badan-badan kwah lain, misalnya Program ABIM Outreach yang juga menumpukan pada kegiatan dakwah terhadap bukan Islam. Kegiatan pertubuhan ini akan adikan sebagai perbandingan di samping mendapatkan pandangan yang embiria.

Walaupun terdapat banyak kajian lain yang telah dilakukan utamanya mengenai kegiatan dakwah di kalangan saudara baru di alaysia, namun kajian ini akan lebih ditumpukan kepada masalah-masalah ng dihadapi oleh saudara baru. Saudara baru yang dijadikan fokus kajian ah yang telah memeluk Islam melalui PERKIM dan telah mendapat

idikan dari PERKIM. Seterusnya kajian akan melihat bagaimanakah cara elesian masalah yang PERKIM lakukan. Di antara beberapa contoh yang telah dilakukan ialah :

1. Amran Kasimin - Saudara Baru Cina Di Wilayah dan Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985
2. Hassan Talib - Masalah Assimilasi Cina Muslim ke Dalam Masyarakat dan Budaya Melayu, Latihan Ilmiah, jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM, 1976/77.
3. Salleh Bin Haji Ahmad - Orang-orang Cina Islam, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM, 1978/79.
4. Jayamani A/P Doraisamy -Pengislaman Orang Cina: Satu Kajian Kes Di Negeri Kedah (1965 1990), Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, 1992/93.
5. Che Supiah Bt. Haji Awang - Dakwah Islamiah Di kalangan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia: Tinjauan Khusus Kepada Gerakan Dakwah PERKIM, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1984/85

Golongan saudara baru ini mempunyai kedudukan dan masalah sendiri. Ini terutamanya kerana tanggapan masyarakat tentang 'masuk ' yang dianggap sebagai 'masuk Melayu'. Hasilnya mereka terpaksa yesuaikan diri dengan adat resam dan kebudayaan Melayu. Tambahan kegiatan dakwah yang dilakukan lebih ditumpukan kepada dakwahkan orang yang telah beragama Islam dan menggunakan Bahasa Melayu. Dalam hal ini PERKIMlah yang telah dikenali sebagai pertubuhan

npunyai muballigh dari pelbagai bangsa yang menggunakan pelbagai ini dapat memudahkan penyebaran dan kefahaman Islam di kalangan kat bukan Melayu.

'alaupun saudara-saudara baru ini cuba menyesuaikan diri 'masuk tetapi dari segi perlembagaan, undang-undang dan politik, an dan hak mereka tidak dapat disamakan dengan orang Melayu. juga tidak dapat diterima oleh masyarakat asal mereka. Memang maklumi bahawa setiap perubahan ke arah positif seringnya jadi pelbagai masalah.

Sebelakangan ini kedengaran isu-isu sensitif berkaitan dengan saudara nasuklah isu "murtad". Ini dengan sendirinya membuktikan bahawa nenghadapi masalah-masalah yang mungkin tidak dapat diselesaikan mengambil keputusan untuk kembali kepada agama asal mereka.

Dasar inilah, didapati perlu untuk meneliti masalah yang dihadapi saudara baru dan bagaimana PERKIM yang telah dikenali itu memainkan nya menangani masalah-masalah tersebut.

Ajian akan ditumpukan kepada saudara-saudara baru yang telah Islam melalui PERKIM. Pengenalan masalah ini akan dianalisis rkan soal selidik yang telah disediakan. Kesimpulannya, dengan ikang masyarakat Malaysia yang 'multi-racial', ia dengan sendirinya i peluang untuk perkembangan syiar Islam. Tambahan pula wujud pertubuhan dakwah yang memainkan peranan masing-masing yang itu menggalakkan perkembangan saudara baru. Namun, saudara baru ksa pula berhadapan dengan pelbagai masalah dalam usaha untuk

gakkan keimanan di hati mereka. Oleh itu dirasakan perlulah kita kenali ilah yang kerap mereka hadapi agar kita dapat membantu mencari jalan esaiannya. Tumpuan kajian akan difokuskan kepada PERKIM.

Selain dari itu diharap kefahaman tentang Islam dapat diperluaskan da golongan non-muslim supaya tidak timbul prasangka terhadap Islam, nasyarakat Malaysia dapat terus hidup dalam harmoni.

Bidang Kajian Dan Tujuan Kajian

Islam sebagai agama yang bersifat universal tidak menghadkan anutnya kepada kaum atau bangsa tertentu. Konsep ummah yang kenalkan oleh Islam amatlah bersesuaian dengan penduduk Malaysia berbilang bangsa, keturunan dan adat kepercayaan. Berdasarkan cat ini, pada peringkat permulaannya akan dibincangkan mengenai pelakang penduduk Malaysia yang berbilang keturunan dan ihmakah kesan-kesan Dakwah Islamiah terhadap mereka.

Fokus utama kajian ini ialah PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam yria). Pemilihan ini disebabkan oleh kedudukannya sebagai satu ibuhan dakwah yang telah dikenali di negara ini dalam usaha dakwahnya pada pelbagai kaum. Peranan dan sumbangannya dalam membantu embangan jumlah penganut Islam telah terbukti.

Pada peringkat permulaannya kajian akan dilakukan untuk mengenali ah penubuhan PERKIM. Tujuannya adalah untuk mengetahui apakah ir yang mendorong penubuhan PERKIM dan siapakah tokoh-tokohnya. rusnya akan diperhatikan pula tahap-tahap perkembangan yang telah ji serta aktiviti-aktivitinya. Oleh kerana ia juga dikenali sebagai

an kebajikan, tentulah aktivitinya tidak hanya tertumpu kepada dakwah.

Dalam melaksanakan aktiviti dakwah khasnya, akan dikaji apakah aktiviti-aktiviti susulan yang dilakukan oleh PERKIM terhadap saudara-saudara baru yang diperkatakan bahawa saudara-saudara baru diabaikan tanpa 'follow-up' setelah memeluk Islam. Maka tujuan kajian ini adalah juga melihat bagaimanakah PERKIM menyusuli saudara-saudara baru.

Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang apa kejayaan PERKIM membantu menambahkan bilangan penganut Islam itu dengan berpandukan kepada data-data jumlah penganut Islam selenggarakannya.

Alam usaha mendapatkan jumlah sebenar penganut yang berjaya dan melalui PERKIM, kemungkinan timbul masalah untuk mendapatkan angka lengkap, terutamanya dari segi simpanan data. Bagaimanapun, ia tersebut akan cuba diperolehi dengan merujuk Laporan Tahunan.

Melain dari itu, perhatian juga akan dilakukan untuk melihat dalam etnik manakah yang lebih tertarik untuk memeluk Islam.

Walaupun perkara yang paling penting dirasakan melalui kajian ini ialah alpasti apakah masalah-masalah yang sering dihadapi oleh saudara-saudara Islam menyesuaikan diri dengan suasana baru. Memang tidak setiap perubahan ke arah positif sering berhadapan dengan rintangan. Ianya amat memerlukan ketabahan dan sokongan. Halnya dengan saudara-saudara baru yang telah sanggup

arkan diri mereka. Mungkin mereka telah kehilangan keluarga, tau pekerjaan serta hartabenda mereka kerana memilih Islam. Oleh sehingga perlu untuk kita mengetahui masalah mereka dan memberikan serta bantuan kepada mereka.

nyelidikan juga akan dilakukan untuk mengetahui bagaimanakah seorang saudara baru menurut pandangan Islam. Apakah hak-hak dan kewajipan yang ada pada mereka, dan bagaimanakah kedudukan mereka di bawah agama dan undang-undang negara. Peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku dengan mereka diharap dapat menjadi teladan untuk perlaksanaan di Malaysia. Diharapkan anggapan bahawa memeluk agama Islam sebagai 'Masuk Melayu' dapat dikikis dari masyarakat Malaysia supaya tidak terdapat banyak masalah.

Metod Kajian

alam usaha menyiapkan kajian ini, dua metod kajian digunakan bagi mendapatkan maklumat dan hasilnya, iaitu :-

Kajian Kepustakaan.

gunaan kaedah ini kebanyakannya tertumpu kepada bab-bab pembincangan tentang soal yang berkaitan dengan keadaan di Malaysia yang menjadi latarbelakang kajian. Ini termasuklah juga dalam latarbelakang agama-agama yang dianuti oleh semua penduduk dan perkembangan Islam di negara ini serta perkara-perkara yang berkaitan dengan dakwah dan pertubuhan dakwah, terutamanya PERKIM. Jadi fokus kajian. Saudara-saudara baru dan kedudukan mereka dengan kaedah ini.

an Luar (Field-work)

dah ini dibahagikan kepada dua bentuk. Pertamanya dengan kan maklumat serta laporan-laporan tertentu dari pihak yang terlibat ijian, iaitu PERKIM sendiri dan Jabatan atau Majlis Agama yang ta Pusat Islam.

alnya mendapatkan Buku Laporan Tahunan PERKIM dan hasil-hasil nya seperti 'Suara PERKIM' dan 'Islamic Herald'. Juga untuk kan data-data jumlah perkembangan saudara baru dari Pusat Islam.

edah ini juga digunakan bagi melihat prosedur pengislaman yang oleh PERKIM dengan kerjasama Jabatan atau Majlis Agama yang

luanya dengan mengadakan temubual dengan mereka yang terlibat langsung dengan dakwah dan perkembangan saudara baru, iaitu itau kakitangan PERKIM seperti guru-guru agama dan muballigh angan dari Jabatan Agama. Juga pegawai yang terlibat membantu ikan masalah mereka.

temubual juga dilakukan dengan saudara baru itu sendiri bagi pasti masalah mereka di samping soalselidik (questionnaires) yang

I.

soalan yang cuba dikemukakan adalah untuk mendapatkan data iaitu maklumat tentang latarbelakang bangsa, agama asal, status in-lain termasuk tarikh memeluk Islam.

Juga untuk mendapatkan data kualitatif bagi mendapatkan pandangan tentang faktor-faktor memeluk Islam, masalah-masalah yang dihadapi, gaimana penyelesaian yang dilakukan.

Responden akan cuba diperolehi secara rambang dengan patkan nama mereka dari pejabat PERKIM. Mereka juga boleh ditemui sekelas agama dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh PERKIM.

Amatlah diharapkan agar soal selidik yang dikemukakan ini dapat antu mengenalpasti masalah yang mereka hadapi dan penyelesaiannya, menjadi fokus utama kajian ini.

Dalam usaha menyiapkan kajian ini terdapat beberapa masalah seperti aran untuk mendapatkan data-data lengkap tentang perkembangan saudara baru di Malaysia.

Pihak PERKIM mahu merahsiakan jumlah ini kerana mereka sering an sasaran oleh sebuah parti pembangkang yang menafikan hak IM dalam prosedur pengislaman. Jadi, jumlah ini dianggap perkara oleh PERKIM.

Tambahan pula, dari segi teknikal, tidak terdapat simpanan fail yang ip. Saudara-saudara baru hanyalah dikenali melalui buku pendaftaran memeluk Islam.

Bagaimanapun masalah ini cuba diatasi dengan meminta bantuan Islam dan juga menggunakan Buku Laporan Tahunan PERKIM. Tetapi, i yang tersedia kemungkinan tidak tepat dan tidak selari dengan IM

Seterusnya, sewaktu menemubual saudara baru, timbul masalah i masalah bahasa dan keengganan responden untuk menceritakan ah sebenar yang mereka hadapi.

Mereka bimbang sekiranya perkara tersebut diketahui oleh pihak-pihak terlibat dengan masalah mereka.

Isi Kandungan

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama i landasan kajian, meliputi dua bab.

Bab Pertama menyentuh mengenai latarbelakang kajian.

Bab Kedua pula akan membicarakan mengenai masyarakat Malaysia erdiri dari pelbagai kaum yang juga menganuti pelbagai agama dan ayaan.

Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan perbandingan agama, maka latang agama-agama yang dianuti oleh pelbagai kaum di Malaysia dibincangkan secara ringkas. Ini termasuklah perbincangan mengenai nbangan agama-agama tersebut.

Perkembangan pertubuhan-pertubuhan dakwah di Malaysia juga uh untuk melihat sejauhmana kegiatan dakwah yang dilakukan dan nya.

Seterusnya kajian akan menyentuh mengenai kedudukan dan nbangan saudara baru di Malaysia.

ab Ketiga pula akan membincangkan tentang PERKIM secara khusus fokus kajian ini. Ia meliputi sejarah penubuhan dan angannya.

aktiviti-aktiviti PERKIM juga dibincangkan supaya dapatlah dilihat tanda peranan yang telah dimainkan oleh PERKIM dalam usaha khasnya terhadap saudara baru.

ihagian Kedua sebagai Laporan dan Analisis Data meliputi bab kelima dan keenam.

ab Keempat merupakan bab yang terpenting, sebagai inti kepada i. Dalam bab ini akan diutarakan apakah masalah-masalah yang oleh saudara baru dalam meneruskan perjalanan hidup mereka seorang muslim.

Engenalan tentang masalah ini adalah berdasarkan kepada soal yang dilakukan.

ab Kelima pula akan mengutarakan cara-cara penyelesaian masalah akukan khasnya oleh PERKIM dan pihak-pihak yang terlibat ya.

ari sini dapatlah dilihat sejauhmana peranan dan kejayaan PERKIM menangani masalah saudara baru. Beberapa cadangan dan an dari pihak lain juga akan diselitkan.

ab Keenam, akhirnya akan membuat rumusan dan kesimpulan keseluruhan kajian ini.

natlah diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam di negara ini, dengan menimbulkan kesedaran bahawa

mempunyai saudara-saudara yang perlu diberi perhatian, agar akidah
tidak berganjak, setelah mendapat hidayah dari Allah.

Hujung

1. Petikan dari Berita Harian, 22 hb. Disember, 1992. (Bagaimanapun, urut Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia, terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991, jumlah penduduk Malaysia sehingga 25 Mei, ialah 18,193,000 orang).
2. INTAN- Malaysia Kita, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, bab 2.
3. Barbara Watson Andaya and Leonard Andaya , A History of Malaysia, Millan Press Ltd. 1982, hal.3 .
4. Gulrose Karim, Information Malaysia Year Book 1990-1991, Berita Sdn.Bhd., Kuala Lumpur, 1991, hal. 77.
- i. Ibid., hal.80.
- i. Hamdan Hassan dan Sofian Mohamad, "Kesan Ajaran Islam Dalam Bentukan Peribadi Orang Melayu", dalam Islam dan Kebudayaan Masyarakat, Utusan Publication, Kuala Lumpur, 1979, hal.18.
- . Mohamad Abu Bakar, "Dakwah dan Pengislaman Masyarakat Melayu Sekarang: Satu Analisa Pengenalan", dalam Tamadun Islam Di Malaysia, Muzium Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hal. 162.
- . H.A.Majid, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, Penerbitan PERKIM, hal.4.

BAB 2: LATARBELAKANG MASYARAKAT MALAYSIA

Latarbelakang Masyarakat Malaysia

Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Malaysia terdiri dari gabungan dua bahagian iaitu Tanah Semenanjung dan satu bahagian lagi iaitu Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 1900, Semenanjung Tanah Melayu mempunyai tiga unit pentadbiran:

- [a] Tanah Jajahan Mahkota Inggeris iaitu Negeri-negeri Selat yang penduduknya terdiri daripada lebih ramai orang Cina dan bukan Melayu yang lain,
- [b] Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pahang di mana bilangan penduduk Melayu dan bukan Melayu hampir sama banyak, dan
- [c] Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu iaitu Johor, Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu di mana sebilangan besar penduduknya adalah orang Melayu^[1].

Menurut perangkaan 1980 jumlah penduduk Malaysia ialah 13,136,109 dan meningkat kepada 17,566,982 orang pada tahun 1991^[2]. Ianya mengkumi 13,486,537 orang di Semenanjung 1,791,209 di Sabah dan 236 di Sarawak

Masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk yang terdiri dari posisi pelbagai kaum dan etnik. Secara ringkasnya ia dibahagikan kepada golongan iaitu golongan bumiputera dan bukan bumiputera.

Golongan Bumiputera

Ditinjau dari segi sejarah, perlembagaan dan sosiopolitik, penduduk negara ini dikenali sebagai bumiputera^[3]. Orang Asli juga merupakan golongan bumiputera. Istilah ini digunakan setelah penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (selepas merdeka). Sebelumnya para pengkaji menggunakan perkataan Semang, Sakai dan Jakun bagi merujuk kepada orang Asli. Tidak ada catatan awal mengenai masyarakat ini kecuali mengenai suku Orang Asli Negrito yang dibuat oleh John Smith, pada tahun 1747^[4].

Menurut Winstedt pula, penduduk asal negara ini iaitu orang Melayu dibagi kepada empat. Mereka ialah Negrito, Sakai, Jakun dan Melayu Ben^[5]. Menurut takrif hari ini seorang Melayu ialah "seseorang yang ia hanya bertutur dalam Bahasa Melayu dan menganut Islam" dan ini bolehkan orang-orang pendatang dari mana-mana tempat di nusantara Indonesia di terima sebagai Melayu, termasuk juga orang-orang yang mempunyai darah campuran bukan Melayu^[6].

Bumiputera di Sarawak pula digolongkan kepada berbagai kelompok seperti Iban, Melayu, Dayak, Melanau dan lain-lain yang tidak begitu lagi seperti kaum Penan. Kelompok bumiputera di Sarawak diklasifikasikan basarkan kawasan petempatan^[7]. Golongan bumiputera Sabah juga terdiri

agai suku seperti suku Dusun, Kadazan, Bajau Darat, Bajau Laut, saya, Melayu/ Brunei dan lain-lain.

itu lagi kriteria yang digunakan untuk mengklasifikasikan penduduk Malaysia ialah agama^[8]. Oleh itu orang Melayu boleh jadi muslim atau lim. Kriteria ini digunakan di Sabah dan Sarawak.

Impulan etnik lain yang juga digolongkan sebagai orang Melayu ialah yang telah menetap di negara ini sejak 1850 termasuklah orang Banjar, Boyan, Bugis dan Minangkabau. Mereka di terima dengan a sebagai orang Melayu kerana persamaan dari segi kebudayaan lebih lagi mereka beragama Islam.

Demikianlah pengenalan ringkas tentang masyarakat Bumiputera di. Menurut perangkaan 1980 orang Melayu di Semenanjung berjumlah orang Melayu dan Bumiputera di Sarawak 69.3 % dan di Sabah

Golongan Bukan Bumiputera

Penduduk bukan bumiputera merupakan golongan imigran yang datang a ini terutamanya sewaktu penjajahan Inggeris. Golongan yang paling lah orang-orang Cina dan India. Orang-orang Cina dan India an besarnya adalah keturunan pendatang- pendatang yang tiba bertengahan kurun ke 19 untuk kepentingan ekonomi penjajah^[11].

Sebenarnya kemasukan penghijrah-penghijrah Cina ke Tanah Melayu sejak Kerajaan Melayu Melaka lagi. Ini terbukti dengan wujudnya cat 'Baba Melaka'^[12]. Tetapi jumlah mereka tidaklah besar mana waktu penjajahan Inggeris. Oleh kerana mereka dianggap

i penggerak ekonomi, maka kedatangan mereka sememangnya dialu- terutamanya dengan pembukaan lombong-lombong bijih timah [13]. An perlombongan ini telah muncul sebagai bandar-bandar utama, Kuala Lumpur dan Ipoh. Sehingga kini kaum Cina kebanyakannya di bandar dan bergiat dalam lapangan perniagaan dan pelbagai bidang sional.

Orang-orang India pula pada peringkat permulaanya datang untuk di ladang-ladang kopi dan tebu. Kemasukan pesat orang-orang India ini apabila perusahaan getah dibuka secara besar-besaran di Tanah [14]

Mereka dibawa masuk oleh Inggeris bagi mengatasi masalahutan penduduk dan pengangguran di India. Keseluruhannya pendatang bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah dan hidup dalam tanan dan kekurangan. Tenaga mereka juga digunakan untuk kemajuan perhubungan khasnya pembinaan jalan-jalan keretapi.

Kesimpulannya pendatang-pendatang ini tiba bagi membantu ibangan ekonomi penjajah di samping faktor-faktor kekacauan politik miskinan di negara asal mereka. Menurut bancian 1980, Kaum Cina di Malaysia kini berjumlah 4,167,053 orang, kaum India berjumlah 399 orang, dan kaum-kaum lain 694,921 orang [15].

Kaum-kaum kaum pendatang yang lain termasuklah orang-orang Arab, Eurasian, dan lain-lain termasuk orang Vietnam dan Filipina.

Kesan pentadbiran Inggeris yang terus 'melindungi' dan 'mengekalkan' bumiputera menjadikan mereka tidak terlibat dengan perkembangan

mi moden. Ia menggalakkan kemasukan pendatang yang membabkan berlakunya pertembungan terutamanya di segi kebudayaan, pendatang-pendatang ini masih terus mengekalkan ciri-ciri ayaan asal mereka. Ini telah menimbulkan masalah perpaduan kaum terus menjadi isu utama negara ini walaupun telah mencapai dekaan.

Untuk mencapai perpaduan bukanlah mudah kerana masyarakat yang berbeza kaum, berbeza agama, budaya, aktiviti ekonomi, perbezaan tempat dan lain-lain. Ini telah melahirkan keadaan seperti peristiwa 13 Mei, Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pemerintah untuk mewujudkan entiti Nasional dari segi perpaduan wilayah, politik, kebudayaan, sosial, ini, dan pendidikan. Tetapi terdapat pelbagai masalah untuk mencapai a tersebut termasuklah masalah perbezaan agama.

Pada amnya setiap kaum di Malaysia dapat digolongkan kepada yang dianutinya. Orang Melayu beragama Islam, orang India beragama orang Cina beragama Buddha, Kung Fu-tze, dan Lao-tze. Walaupun terdapat orang India beragama Islam, Kristian dan Sikh. Begitu juga orang Cina yang menganut agama Islam dan Kristian. Kaum Jetera di Sabah dan Sarawak banyak yang beragama Kristian sementara Asli masih ramai yang kekal dengan kepercayaan animismenya. Dalam bancian 1980, peratusan penduduk berdasarkan agama ialah; Islam 62.6 %, Buddha 17.3 %, Kung Fu-Tze dan lain-lain kepercayaan Cina 11.6 %, Hindu 8.6 %, Agama Suku Kaum 2 %, dan Tiada agama 0.5 %

Jelasnya masyarakat Malaysia adalah majmuk. Mereka bergaul tetapi k bercantum, perhubungan mereka sekadar luaran sahaja. Hingga kini isu agama dan kebudayaan masih menjadi isu sensitif dan sering dibangkitkan itamanya dalam kempen-kempen politik, kerana bila lebih dari satu jenis um wujud berdampingan, seperti nilai-nilai agama Islam dan agama lain kemungkinan konflik akan timbul^[17].

Kalau diperhatikan ke seluruh dunia, keadaan yang tidak sihat ini ud akibat dari beberapa punca tetapi yang paling penting ialah perbedaan segi ras, etnik, dan agama^[18]. Malah sikap prejedis dan diskriminasi ini h ketara di negara-negara barat dengan dasar apartheidnya. Begitu juga di era- negara yang umat Islam menjadi golongan minoriti. Tetapi keadaan ini klah begitu ketara di Malaysia kerana Perlembagaan Persekutuan ada nyebutkan bahawa Islam merupakan Agama Rasmi Persekutuan, tetapi imia-agama lain adalah bebas diamalkan.

Tujuh-

Cheah Boon Kheng, 'Evolusi Sebuah Negara Persekutuan Malaysia: Perspektif Sejarah' dalam Masyarakat Malaysia, Penerbit Universiti Malaysia, 1982, hal.2

Petikan akhbar "Berita Harian", 24 Disember, 1992

INTAN, "Malaysia Kita", Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, bab 2.

Iskandar Carey, Orang Asli, The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976, hal.13.

Winstedt, R.O., "A History of Malaya", Marican & Sons [Malaysia] Ltd., Kuala Lumpur, 1986, hal.11

Barbara Watson Andaya and Leonard Andaya, "A History of Malaysia", MacMillan Press Ltd., 1982, hal.3.

Hashim Awang, "Masalah Mengklasifikasikan Penduduk Bumiputera ak: Satu Catatan Ringkas", dalam Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1981, hal.27.

Asmah Haji Omar , "The Malay Peoples of Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, hal.26.

Gulrose Karim , "Information Malaysia 1990-1991 Year - Book", Berita Sdn.Bhd., 1991, Kuala Lumpur, hal.74.,

i. Ibid., hal.77.

. Barbara Watson Andaya & Leonard Andaya , Ibid,hal.3

. Lotfi Ismail, "Sejarah Malaysia 1400-1963", Utusan Publications & Publishers, Kuala Lumpur, hal.122.

. Ibid., hal. 123.

Ibid., hlm. 219

Bancian 1980 , [Sumber dari Biro Penerangan,Kangar, Perlis].

Gulrose Karim, op.cit., hal. 80.

Wan Halim Othman, "Perhubungan Kaum dan Perpaduan Negara di
a" dalam 'Masyarakat Malaysia' Penerbit Universiti Sains Malaysia,
al. 43.

Mohd.Nor Hj.Nawawi, 'Hubungan Kelompok dan Suku-Bangsa;
lajian Teoritis dari Sudut Islam', dalam "Islamika", Sarjana Enterprise,
umpur, hal. 9.

tarbelakang Agama-Aqama Di Malaysia

ama menurut pengertian makna katanya dari bahasa sanskrit; yang teratur (a = tidak, gama = kacau). Ini sesuai dengan sifat-sifat yang berupa keyakinan kepada yang ghaib, yang oleh keyakinan itu ia dipaksa untuk mematuhi disiplin yang dilahirkannya ^[1].

ama adalah suatu fitrah yang melekat kepada manusia sejak ia lahir. Tidak terdapat satu kelompok atau masyarakat melainkan ada kepercayaan keagamaan yang mewarnai sikap hidupnya dan adat istiadat serta kebudyaannya yang turun temurun, dari satu ke satu generasi ^[2].

atu masyarakat yang primitif pun mempunyai kepercayaan dan berbagai cara keagamaan. Begitulah juga masyarakat yang telah mempunyai kepercayaannya sendiri dan melakukan cara-cara annya sesuai dengan taraf kemajuan yang telah dicapai. Keperluan sebagai suatu fitrah semulajadi manusia, menjadikan manusia rindu dan isakan kekosongan dalam jiwanya jika ia berusaha untuk hidup imia ^[3].

Iain fitrah semulajadi, suasana kehidupan manusia sering dilingkari dan kesulitan hidup seperti penyakit, bencana alam, kematian, dan segala yang mengancam ketenteraman hidup manusia. Hal ini tandarkan manusia bahawa diri mereka lemah dan ada kuasa yang kuasa menjadikan dan menguasai seluruh alam ini ^[4].

adaan ini melahirkan hasrat mereka mencari pencipta alam, dan mempertahankan kepercayaan itu dengan pelbagai jalan. Di sinilah